



ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA PEMBAIKAN RUANG STUDIO ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA (OTM) BAGI MEMPERKASA OPERASI OTM DI ISTANA BUDAYA, DI BANGUNAN PENTADBIRAN, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 MINGGU

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 14-2026

1. PELAWAAN

Sebut harga ini diiklankan pada **8 Jun 2026**, Isnin dan dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan: **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam GRED G2; KATEGORI B, M dan E; PENGKHUSUSAN;

- i. B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan) atau B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan); dan;
- ii. M01 (Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara)
- iii. E04 (Pemasangan Voltan Rendah)
- iv. E11 (Kerja Am Elektrik)

2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada **12 Jun 2026**, Jumaat, jam **10.00 Pagi**. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan. Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

SILA BAWA COP RASMI SYARIKAT untuk urusan pendaftaran. Sijil Lawatan Tapak akan diberikan selepas tamat lawatan tapak dan Dokumen Sebut Harga akan diemelkan secara *softcopy* kepada **e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja** bermula dari tarikh **12 - 13 Jun 2026**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga **22 Jun 2026, Isnin**.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila e-mel ke zul@istanabudaya.gov.my

Tandatangan
Nama Penandatangan
Jawatan
Tarikh


: SYAHRUL AZAM BIN SAINAN
: PENGARAH BAHAGIAN TEKNIKAL

: 8/6/2026

